

Headline	Pelancongan: Perlis dianak tiri MOTAC?		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jan 2024	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	9	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	397 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 16,234
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,702



Pelancongan: Perlis dianak tiri MOTAC?

KANGAR: Di sebalik sektor pelancongan Perlis yang melonjak dan menjadi tumpuan pelancong, kerajaan negeri bagaimanapun belum menerima peruntukan daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) khususnya sempena pelaksanaan Tahun Melawat Perlis (TMPs) 2024/2025.

Mengikut data, lebih 3.2 juta kemasukan pelancong ke negeri ini direkodkan dari Januari sehingga Oktober 2023.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Besar, Mohd. Shukri Ramli berkata, kerajaan negeri sebelum ini sudah meng-

hantar surat kepada MOTAC memohon peruntukan sebanyak RM4 juta.

Bagaimanapun, menurut beliau, sehingga kini masih tiada jawapan diterima.

Katanya, peruntukan yang dimohon adalah bertujuan bagi menaik taraf lokasi-lokasi pelancongan di negeri ini bagi persediaan sebagai penganggar TMPs 2024/2025.

"Untuk pelaksanaan TMPs, persediaan kebanyakannya dilakukan oleh kerajaan negeri dengan usaha rakyat sendiri bagi menarik kehadiran pelancong," katanya.

Menerusi penganggaran TMPs 2024/2025, kerajaan negeri menyasarkan seramai 3.5 juta pelancong ke Perlis pada tahun ini yang menawarkan pelbagai destinasi percutian menarik.

Dalam pada itu, Mohd. Shukri berkata, negeri-negeri lain yang turut menganggaran tahun melawat seperti Perak dan Melaka sudah menerima peruntukan masing-masing daripada MOTAC.

"Sebagai contoh Perak telah menerima peruntukan sebanyak RM2 juta manakala Melaka pula menerima sebanyak RM7 juta namun Perlis belum menerima

sebarang peruntukan daripada MOTAC.

"Sebelum ini pun memang Perlis ada menerima peruntukan untuk FRIM sebanyak RM500,000 namun ia bukannya diberikan melalui kerajaan negeri," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri berharap MOTAC dapat menyeberangkan pemberian peruntukan berkenaan bagi membantu menjayakan TMPs.

"Kita hanya mahu menaik taraf infrastruktur di lokasi-lokasi pelancongan bagi menarik kehadiran pelancong ke sini," katanya.



PELANCONGAN Perlis terus melonjak dengan lebih 3.2 juta pelancong ke negeri itu direkodkan dari Januari sehingga Oktober 2023. – UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN